

HIMPUNAN TAJUK
DAN ABSTRAK
KAJIAN MENGENAI
HADITH YANG
DIHASILKAN OLEH
UNIVERSITI AWAM

Disediakan oleh:

Cawangan Kajian al-Quran dan al-Hadith

Bahagian Penyelidikan

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

SENARAI TAJUK KAJIAN HADITH (UNIVERSITI)

BIL	TAJUK	TAHUN	PENYELIDIK/ UNIVERSITI	ABSTRAK
1	Pembelajaran Ilmu Hadith di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) di Malaysia	2017	Maulana Muhammad Ilyas Bin Temrin, Mohd Akil Muhamed Ali (UKM)	Pembelajaran ilmu hadith adalah salah satu aspek penting dalam pendidikan setiap umat Islam. Hal ini kerana hadith adalah sumber kedua terpenting dalam kehidupan umat Islam selepas al-Quran. Salah satu bidang yang akan dipelajari oleh pelajar SMKA ialah pengajian ilmu hadith. Meskipun begitu, terdapat kekangan dan kekurangan yang dihadapi dalam proses menyampaikan ilmu kepada murid khususnya ilmu hadith. Kajian ini mendapati bahawa permasalahan yang timbul dalam pengajian ilmu hadith di peringkat sekolah ialah peruntukan masa belajar yang terhad, kelemahan sistem pembelajaran yang hanya menggunakan buku teks dan kekurangan buku teks yang khusus untuk pengajian hadith di peringkat sekolah.
2	Penyelesaian Perbezaan Penilaian Pengkritik Hadith Ke Atas Kredibiliti Perawi: Kajian Ke Atas Perawi Bagi Hadith-Hadith Di Dalam Kitab Mastika Hadith Jilid 3	2017	Aminuddin Bin Mohamed, Fadlan Mohd Othman (UKM)	Perbezaan penilaian perawi dalam kalangan pengkritik hadith adalah suatu perkara yang biasa terjadi seperti perbezaan pendapat yang kebiasaan berlaku dalam kalangan para fuqaha' berdasarkan ijthad mereka. Meskipun begitu, terdapat garis panduan yang digariskan para ilmuan dalam menyelesaikan perbezaan ini.

3	Kajian Takhrij Hadith Pascasiswazah di Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia	2017	Jamielatun Nur Raihan Jamani, Fadlan Mohd Othman (UKM)	Sepanjang tempoh penubuhan UKM, banyak penyelidikan telah dihasilkan meliputi pelbagai bidang kajian. Kajian tinjauan dilakukan terhadap kajian takhrij hadith pascasiswazah Fakulti Pengajian Islam, UKM meliputi disertasi Sarjana dan tesis Doktor Falsafah. Pada tahun 2000 hingga 2015, sebanyak 45 penyelidikan takhrij hadith telah dihasilkan.
4	Penyelesaian Mukhtalaf al-Hadith Melalui Metode al-Jam'u Dalam Karya Aslu Sifat Solat Nabi SAW Oleh Nasiruddin al-Albani	2017	Mohamad Khalid Bahrudin, Mohd Arif bin Nazri (UKM)	Ahli ilmu menamakan disiplin ilmu ini sebagai ilmu mukhtalaf al-hadith dengan menyusun empat metode utama penyelesaiannya. Metode tersebut adalah al-jam'u, nasakh wa mansukh/pembatalan, tarjih/memperkuatkan salah satu, dan tawaqquf/mendiamkan. Analisa akan memfokuskan kepada metode al-jam'u kerana ia merupakan metode paling kerap dilalui ahli ilmu dan kerana penggunaannya menjadikan hadith-hadith yang mukhtalif dapat diamalkan tanpa digugurkan salah satu darinya berbanding jika menggunakan metode-metode lain. Hasil dapatan kajian mendapati al-Albani menempuhi manhaj jumhur pada mendahulukan metode al-jam'u berbanding metodemetode lainnya dengan mengaplikasikan empat pendekatan utama iaitu kontekstual, korelatif, ta'wil dan usul al-fiqh. Analisa kajian akan menunjukkan aplikasi metode al-jam'u secara lebih terperinci lagi.

5	Peranan Tulisan Jawi Dalam Penulisan Hadith di Nusantara	2017	Siti Zahidah Kosran, Latifah Abdul Majid, Ahamad Asmadi Sakat (UKM)	<p>Hadith terus berkembang hingga ke Nusantara. Tulisan ini semakin tersebar penggunaannya sehingga muncul kitab-kitab Jawi. Pertama, untuk mengenal pasti sejauh mana tulisan Jawi memberi kesan terhadap aktiviti penulisan hadith.</p> <p>Kedua, mengetengahkan karya-karya terjemahan hadith dalam tulisan Jawi yang dihasilkan oleh para ulama Nusantara. Kajian mendapati tulisan Jawi dalam aktiviti penulisan hadith di Nusantara adalah sebagai bahasa ilmu dan alat terjemahan hadith-hadith.</p>
6	Pendekatan Hafazan Hadis Di Universiti Islam Madinah: Kajian Terhadap Pelajar Selain Kuliah Hadis	2017	Muhammad Arif Yahya (UKM), Ahmad Yunus Mohd Noor (UKM), Mohd Khairul Nazrin Mohd Nasir (UM)	<p>Kajian ini meninjau tradisi hafazan hadis melalui subjek yang diajar kepada pelajar selain dari kuliah hadis di Universiti Islam Antarabangsa Madinah, Arab Saudi. Kajian ini bertujuan mendedahkan kepentingan hafazan hadis diterapkan kepada seluruh penuntut pengajian Islam selain dari bidang hadis yang utama. Selain itu, kajian ini juga melihat beberapa perbandingan secara umum berkaitan penekanan dan pengamalan sistem hafazan hadis ini khususnya di Universiti. Hasil kajian mendapati bahawa hafazan hadis amat ditekankan kepada pelajarpelajar Kuliah Dirasat Islamiyyah di Universiti Islam Antarabangsa</p>

				Madinah sehingga dijadikan subjek wajib kepada pelajar selain daripada kuliah hadis.
7	The Utilisation Of Ḥadith In Quranic Criticism	2017	Muhammad Arif bin Musa, Adnan Mohammad Yusoff, Khairul Anuar Mohamad, Ahmad Sanusi Azmi (USIM)	The Sunnah contains of Quranic explanation. The research intends to study the contradiction claims in the Quran supported by the Sunnah as suggested by the Quranic critics. The research prove that current contradiction claims in the Quran has developed in a way that Quranic critics has included Sunnah in their discussion. Sunnah has indeed made the claim seem to be more concrete. However, the research shows that the citation of Sunnah as evidence to the inconsistency of the Quran is intangible. The assumed contradictory verses are in fact reconcilable and the citation of Sunnah do not corroborate the notion that the Quran consist of contradiction. The research also suggests that any explanation by Islamic scholar on the assumed contradictory verses should include the evidences cited by the critics and on this occasion, the Sunnah.
8	The Hidayat Al-Habib Fi Al-Tarhib Wa Al-Tarhib: A Pioneer Work of Hadith In Malay Archipelago By Al-Ranir	2017	Latifah Abdul Majid (UKM)	This research presents an investigation on a part played by al-Raniri in disseminating Hadith teaching in Malay Region. In the interest of validity and reliability, the study provides multiple sources of evidence including in-depth interviews with expert in the field of seventeenth century education and biographers of the

				great scholar. The study is qualitative and the approach is hermeneutic.
9	Pengajaran Kursus Ulum Hadith Di Institusi Pengajian Tinggi Awam: Tinjauan Literasi Terhadap Pendekatan Pengajaran Masa Kini	2017	Shumsudin Yabi, Syulhanif Kadri, Zulhilmi Mohd Nor, Mohd Fauzi Mohd Amin (USIM)	Hadith merupakan sumber kedua dalam syariat Islam. Justeru itu, kajian ini bertujuan mengkaji pendekatan pengajaran yang boleh diaplikasikan bagi kursus Ulum Hadith yang ditawarkan di institusi pengajian tinggi awam di Malaysia dan mengenalpasti ruang dan peluang untuk memberi nafas baru terhadap pendekatan dalam pengajaran dan pembelajaran Ulum Hadith. Hasil tinjauan mendapati antara pendekatan penting dalam pengajaran kursus Ulum Hadith di institusi pengajian tinggi awam adalah pensyarah hendaklah berperanan sebagai muallim, menghasilkan pembelajaran yang bermakna dengan pengajaran berpusatkan pelajar, menggunakan pendekatan eklektik iaitu dengan menggabungkan semua atau sebahagian daripada ciri-ciri sesuatu kaedah ke dalam kaedah yang baru, menggunakan jadual dan gambarajah di dalam pembelajaran, menguasai antara empat kemahiran pedagogi Rasulullah SAW, dan melaksanakan pembelajaran aktif.

10	Konsep Dan Kedudukan Hadis Qudsi Menurut Ulama Hadis	2017	Prof. Madya Dr Mohd Fauzi Mohd Amin, Dr. Abdulloh Salaeh, Dr. Amran bin Abdul Halim, Dr. Ahmad Sanusi Azmi (USIM)	Hadith Qudsi adalah nisbah kepada al-Quds iaitu kesucian al-Tuhru dan al-Nazahah. Iaitu hadith yang dinisbahkan kepada Zat yang maha suci iaitu Allah SWT. Bilangan hadith qudsi tidak banyak. Ulama hadith telah berusaha menghimpunkannya di dalam kitab yang khusus tentangnya. Seperti Ibn Taimiyyah telah mengumpulkan sejumlah hadith-hadith qudsi dalam kitabnya Al-Kalimu Thayyib. Begitu juga Dr. Ahmad al-Syarbashy telah menyusun sebuah kitab yang terkandung di dalamnya hadith-hadith qudsi dengan diberi nama Adabul Al-Ahadith Al-Qudsiyyah. Hadith qudsi boleh dikategorikan sahih, hasan, dhoef dan maudu’.
11	Prestasi Aplikasi Hadis Digital Berteraskan Technology Acceptance Model (TAM): Suatu Tinjauan Awal	2016	Amran Abdul Halim, Ahmad Sanusi Azmi, Syed Najihuddin Syed Hassan (USIM), Norazmi Anas, Shahril Nizam Zulkipli, Mohd Syukri Mohd Noor (UITM)	Islam bersumberkan wahyu yang sahih dari Allah SWT sebagai panduan kehidupan manusia melalui al-Quran dan al-Hadis. Penulisan kertas kerja konseptual ini bertujuan untuk mendedahkan penyelidikan aplikasi hadis di Malaysia, teori Technology Acceptance. Oleh itu, penyelidikan ini diharap mampu menghasilkan model baharu untuk penyelidikan lanjutan supaya aplikasi-aplikasi hadis yang dihasilkan memberi impak positif dalam masyarakat seterusnya meningkatkan pengetahuan dan kefahaman mereka dalam melahirkan generasi Islam minda kelas pertama.

12	Metodologi Pemikiran Sisters in Islam Terhadap Hijab	2016	Shah Rizul Izyan Zulkipli, Mohd Muhiden Abd Rahman, Mohd Zahir Abdul Rahman (UM)	Kajian ini dilakukan bertujuan menganalisis metodologi pemikiran Sisters in Islam terhadap hijab berasaskan fiqh al-hadith. Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan menggunakan metod pensejarahan, dokumentasi serta temubual bagi mendapatkan data-data berkaitan dengan hijab menurut pandangan Sisters in Islam. Hasil kajian mendapati bahawa metodologi pemikiran Sisters in Islam mengenai hijab adalah berbeza, malah bercanggah sama sekali dengan pandangan ulama Islam. Hasil dari metodologi yang digunakan oleh Sisters in Islam didapati bahawa aurat yang wajib ditutup itu adalah kemaluan wanita sahaja dan selebihnya haruslah ditutup mengikut nilai kesopanan dan budaya sesebuah masyarakat.
13	Analisis Strategi Membanteras Rasuah Menurut Islam	2016	Afriadi Sanusia & Sharifah Hayaati Syed Ismail (UM)	Many people believe about what and how corruption in the view of Islam in guidance by alQuran and Sunnah. Al-Quran and Sunnah also explain how to eradicate corruption by Islamic approach. Because almost all Muslim countries currently hit by the disease of corruption, then it would be nice if every country to emulate the approach taken by the Prophet, Sahabat and the tabi`in in fighting corruption in their days. This is a qualitative study that collects data through a variety of methods of literature review, historical method and content analysis of primary sources including tafsir, hadith, turath, books and articles in journals.

14	Laman Web Al-Durar Al-Saniyyah: Aplikasi Dan Keberkesanan Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Kajian Hadis Dalam Kalangan Pensyarah dan Pelajar Fakulti Pengajian Quran dan Sunah, USIM	2015	Syed Najihuddin Syed Hassan, Zulhilmi Mohamed Nor, Ahmad Sanusi Azmi, Dr. Noor Najihan Jaafar, Dr. Mohd Zohdi Mohd Amin (USIM)	The method of learning and teaching hadith is evolving in line with the growth of modern information technology. Among the new methods of teaching and analyzing the hadith is by employing the web-based data analyzer. Net in analyzing, classifying and grading a hadith. Net has an effective role in helping students to classify a hadith in which at the same time increased the efficacy of learning progress. Furthermore, its feature as user-friendly device contributes to become an easy access website in learning the hadith. In certain cases, the page did not provide complete information about the details of publication on a specific hadith. In conclusion, the website is a helping hand for the researchers and students, an instrument that is recommended as an effective technique of learning hadith, and mechanism for grading and classifying the hadith for the public.
15	Al-Manhaj Al-Haraki Dalam Penulisan Sayyid Muhammad Nuh Menurut Perspektif Hadith: Aplikasi Dalam Isu-Isu Semasa Gerakan Dakwah di Malaysia	2015	Muhammad Arif Bin Yahya (UM)	Al-Manhaj al-haraki adalah merupakan metode dan aliran yang digunakan oleh tokoh- tokoh gerakan dakwah semasa kearah penafsiran ayat-ayat al-Quran serta hadith-hadith berlandaskan pendekatan al-haraki. Untuk mencapai objektif ini, kajian telah menggunakan dua metode penyelidikan, iaitu metode perpustakaan dan metode lapangan. Hasil kajian mendapati

				<p>bahawa wujud aliran al-haraki dalam pengajian hadith sepertimana wujud aliran tersebut dalam pengajian tafsir sebelum ini. Perkara ini berdasarkan idea-idea al-haraki yang dikemukakan dalam huraian hadith-hadith serta tajuk karya yang dikemukakan oleh beliau dalam penulisan. Hasil kajian juga mendapati bahawa aplikasi al-manhaj al-haraki gerakan dakwah di Malaysia dalam menangani isu-isu semasa dilihat mengambil pendekatan yang berbeza samaada melibatkan isu mempertahankan Islam di Malaysia atau isu politik Islam di Malaysia.</p>
16	<p>Hadith-Hadith al-Hammam Dalam Sunan Abu Dawud al-Sijistani: Analisis Aplikasi Terhadap Spa Perempuan Di Banda Aceh</p>	2015	Jannah Lukman (UM)	<p>Hammam atau permandian awam dari perspektif Sunah Nabi S.A.W. khususnya dari teks-teks Hadith dari Kitab al-Hammam di dalam Sunan Abi Dawud merupakan topik yang signifikan untuk dikaji dari aspek fiqh al-Hadith dan aspek aplikasi lapangan. Objektif utama kajian ini bagi menjelaskan konsep hammam dari perspektif fiqh al-Hadith khususnya yang bersumberkan dari kitab Sunan Abi Dawud. Di samping itu, kajian juga turut menilai perkembangan Spa di Banda Aceh dari</p>

				<p>aspek aplikasi prinsip Islam yang terdapat dalam Kitab al-Hammam dari Sunan Abi Dawud yang dilaksanakan oleh pengusaha dan pengguna Spa perempuan di Banda Aceh. Bagi mencapai objektif tersebut, kajian ini menggunakan metodologi perpustakaan dan lapangan khususnya dengan meneliti 18 Spa perempuan yang terdapat di Banda Aceh. Hasil kajian ini mendapati bahawa hanya 5 Spa perempuan di Banda Aceh yang menepati prinsip hukum hammam khususnya yang bersumberkan fiqh al-Hadith dari Kitab al-Hammam dalam Sunan Abi Dawud. Manakala baki 13 Spa perempuan lainnya masih belum sepenuhnya menjalankan aplikasi daripada konsep hammam tersebut.</p>
17	<p>Faktor Dorongan Persambungan Sanad Kitab Hadis Dalam Pengajian Talaqqi Bersanad (TB) Di Malaysia</p>	2014	<p>Farhah Zaidar Mohamed Ramli (KUIS), Latifah Abdul Majid, Mohd Arif Nazri (UKM)</p>	<p>Pelbagai metode masih diadaptasikan sehingga kini bagi meriwayatkan hadis-hadis Rasulullah SAW yang sudah dibukukan tidak terkecuali terhadap kitab-kitab hadis induk seperti Sahih al-Bukhari. Implikasi utama aplikasi TB ialah persambungan salasilah sanad antara guru dengan murid sehingga sampai kepada penyusun kitab hadis. Kemuncak salasilah sanad kepada kitab hadis ini akan bertaut kembali kepada sumber hadis iaitu Rasulullah SAW. Fenomena TB ini turut direkodkan secara sistematik oleh tokoh hadis selaku al-musnid dalam karya yang dikenali sebagai al-thabat khususnya bermula pada kurun keenam sehingga kurun kelima belas Hijrah. Kesemua dorongan ini turut</p>

				menunjukkan kepentingan fungsi sanad kepada kitab hadis pada masa kini yang perlu diteruskan kelangsungannya menerusi aplikasi TB.
18	Konsep Al-Quwwah Al-Insaniyyah Dari Perspektif Al-Quran Dan Al-Hadith: Analisis Program Rakan Siswa (Raksi)	2013	Mohamad Hilmi Bin Mat Said (USM)	Al-Quran al-Karim merupakan mukjizat teragung yang dianugerahkan Allah s.w.t ke atas baginda Rasulullah s.a.w. Ia merupakan sebuah kitab yang tiada sebarang keraguan dan berfungsi sebagai petunjuk bagi manusia ke jalan kebenaran. Justeru itu kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti, menganalisis dan merumuskan konsep-konsep asas al-quwwah al-insaniyyah berdasarkan al-Quran untuk membangunkan suatu program bagi meningkatkan prestasi pembangunan insan . Konsep al-quwwah al-insaniyyah bermaksud ciri-ciri keinsanan yang memiliki kekuatan dan kemantapan diri, kesungguhan dan ijtihad yang jitu, keutuhan jati diri, berpengetahuan, bertamadun, mencintai kebaikan, keamanan, bertanggungjawab, rela berkorban, bersiap siaga dalam menempuh cabaran, dugaan dan rintangan yang mendatang. Hasil kajian ini juga bakal menjadi rujukan kepada modul-modul pembangunan sahsiah yang boleh diguna pakai oleh institusi-institusi kerajaan mahupun swasta. Penyelidikan ini merupakan satu kajian kualitatif dengan reka bentuk kajian kes. Kaedah utama yang digunakan ialah kaedah kepustakaan di

				sampling proses pengumpulan data menerusi bukti-bukti dokumen.
19	Data Mining for Hadith Classification	2013	Kawther A. Aldhlan (UIA)	In the present study, extracted Islamic knowledge representing the focal point of the research, three famous books in Hadith science framed the corpus of this study. The present study attempted to explore new approach to classify Hadith according to its validity degree using data mining techniques, the proposed Hadith classifier model was built through learning process and was represented by the tree structure modeling. This mechanism was generated based on the investigation methods of the Isnad in Hadith science. Representing or extracting Islamic knowledge is very critical step because it may affect life of Muslim, therefore, the results of the research were compared with the resource books, concurrently with the point of view of the expert in Hadith science. Indeed, the extracted knowledge shed light on the differences between Al-Imam Al-Bukhari, Al-Termithi and Al-Albani methods in takhareej AL-Hadith.
20	Analisis Hadith Al-Rahn Dalam Al-Kutub Al-Sittah	2013	Azmi Al'alwi Bin Mohamad @ Satar (UM)	Kajian ini menganalisis hadith-hadith al-Rahn sama ada dari aspek jumlah bilangan, kualiti dan darjah kedudukannya di dalam al-Kutub al-Sittah. Setelah dilakukan saringan dan analisa takhrij, sebanyak 31 teks hadith al-Rahn telah ditemui di dalam

				<p>al-Kutub al-Sittah. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 14 teks hadith terdapat di dalam Sahih Bukhari, 3 teks di dalam Sahih Muslim, 6 teks di dalam kitab Sunan Ibn Majah, 4 buah teks di dalam Sunan Nasaie, 3 buah teks di dalam Sunan Tirmidhi dan 1 buah teks hadith di dalam Sunan Abi Dawud. Dari aspek kualiti hadith, secara kesimpulannya sebanyak 87.1 % hadith yang ditemui merupakan hadith Sahih, 9.7 % hadith Hasan Sahih dan 3.2 % daripada keseluruhan hadith adalah daif. Bab kedua lebih tertumpu kepada takhrij hadith al-Rahn dari sudut kualiti hadith. Bab ketiga menganalisis hadith al-Rahn dari kaca mata fiqh muamalah.</p>
21	Progressive muslims' approach to hadith texts: a critical evaluation	2013	Nurul Jannah Zainan Nazri (UIA)	<p>Questions on the authenticity of Sunnah have long been of central importance to the study of Islam. Among the crucial points that are fiercely debated in this matter is the issue of textual criticism, which appears to have the effect of discrediting the existing record of Sunnah. This study explains and clarifies the relevance of the classical methodology of hadith text criticism in modern times. By using the case of Progressive Islam as the focal-point, it explores the impact of modernity on contemporary Muslims' attitudes towards religious authorities especially the hadith of the Prophet r. It traces back the intellectual origin of Progressive Muslims' approach to hadith texts and investigates its salient features. It also examines the extent to which this so-called new</p>

				<p>approach is in line with the classical hadith scholars' methodology. It assesses the interpretational implications of their approach to hadith related to the Islamic belief system ('aqidah), metaphysical issues (ghaybiyyat) and Muslim social affairs (women and racist issues). In a nutshell, this work provides a major contribution to the understanding of the attitudes of the modernists in particular the Progressive Muslims towards the Prophetic texts in modern times.</p>
22	<p>Studi Kritik Matan Dalam Kajian Hadis Kontemporer Di Malaysia</p>	2012	Ishak Hj. Suliaman (UM)	<p>Penelitian tentang studi kritik matan telah menjadi trend dalam kajian Hadis kontemporer di Malaysia khususnya jika merujuk kepada penelitian tesis Ijazah Doktor Falsafah dan disertasi Master. Makalah ini menfokuskan penelitian pada trend studi kritik matan hadis pada tesis dan disertasi dalam kajian Hadis kontemporer di malaysia dengan menfokuskan terhadap 4 universiti utama di Malaysia yaitu Universiti Malaya (UM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Sains Malaysia (USM). Berdasarkan data yang berotoritas, penelitian ini mengaplikasi metodologi kualitatif terhadap semua tesis dan disertasi dalam bidang Hadis sebagai kajian Hadis kontemporer yang telah berhasil digraduasikan di 4 universitas tersebut yang dimulai dari tahun 1984 hingga tahun 2012. Temuan kajian ini</p>

				menemukan ada sebanyak 40 disertasi Doktor Falsafah dan 183 tesis.
23	Pemeliharaan Hadith Di Internet: Kajian Terhadap Laman Web al-Durar al-Saniyyah Dan Islamweb	2012	Shahril Nizam bin Zulkipli (UM)	<p>Pemeliharaan hadith di internet adalah suatu usaha dalam memastikan ketulenan dan autoriti teks hadith sebagai sumber utama selepas al-Quran. Berdasarkan kewujudan laman web hadith yang begitu banyak di internet, maka penelitian terhadap aspek ketulenan dan autoriti teks matan dan sanad adalah sangat penting untuk dijalankan. Sehubungan itu, objektif kajian ini ialah menganalisis aspek pemeliharaan hadith di internet dengan memfokuskan terhadap dua laman web iaitu al-Durar al-Saniyyah dan Islamweb. Oleh yang demikian, metodologi kajian teks telah diaplikasikan dengan pemilihan sebanyak 200 teks hadith sebagai sampel kajian di dalam dua laman web tersebut. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat 199 teks hadith (99.5%) telah dinukilkan ke dalam bentuk digital secara tepat dan berautoriti sebagaimana yang terdapat di dalam kitab hadith bercetak. Manakala hanya sebuah hadith sahaja yang telah diklasifikasikan sebagai tidak berautoriti atau dikenali sebagai hadith al-Musahhaf. Justeru, kajian mendapati bahawa al-Durar al-Saniyyah dan Islamweb boleh dikategorikan sebagai laman web hadith berautoriti yang telah memelihara teks-teks hadith berautoriti walaupun hasil analisis telah menemui sebuah hadith yang kurang berautoriti.</p>

24	Kekeliruan Dan Kritikan Terhadap Sahih Bukhari: Satu Tinjauan Awal	2011	Ahmad Sanusi bin Azmi, Zulhilmi bin Mohamed Nor (USIM), Mohd Norzi bin Nasir (KUIS)	Sahih al-Bukhari adalah antara kitab utama yang mengumpulkan hadith-hadith sahih. Antara usaha-usaha tersebut seperti mensyarahkan hadith-hadith di dalamnya, memperincikan perawi-perawi, meringkaskan kitabnya serta menjelaskan kekeliruan dan kritikan yang dilemparkan terhadapnya. Maklumat dikumpul daripada kitab-kitab mustalah serta syarah-syarah hadith yang ditulis oleh ulama silam dan kemudian dianalisa untuk mencari punca dan penyelesaiannya. Kajian ini mendapati kedudukan Sahih al-Bukhari sebagai sumber asasi bagi hadith sahih tidak terganggu kerana semua kekeliruan dan kritikan telah dijustifikasikan.
25	Gerakan Anti Hadith Moden: Kajian Terhadap Penyebaran Pemikiran Melalui Internet	2011	Ahmad Sanusi Azmi, Mohd Yusuf Ismail, Zulhilmi Mohamed Nor (USIM)	Sejarah telah membuktikan bahawa kumpulan yang menolak hadith sebagai sumber kedua Islam tidak pernah jemu menyebarkan ideologi mereka. Mereka mendakwa bahawa al-Quran adalah sumber utama umat Islam dan mereka tidak memerlukan hadith sebagai sumber kedua bagi segala urusan yang berkaitan dengan Islam. Dewasa ini Internet memainkan peranan yang amat penting di dalam kehidupan masyarakat. Pemikiran yang dilaungkan oleh kumpulan ini telah mula menular di dalam laman-laman web di seluruh dunia.

26	Hadith-Hadith Mengenai Sihir Dan Rawatannya Dalam al-Kutub al-Sittah	2011	Khadher Ahmad, Ishak Suliaman (UM)	<p>There are numbers of Prophetic texts or Hadith regarding the topic of sorcery and its treatment. Based on textual analysis, there are 36 texts of hadith in al- Kutub al-Sittah (The Six Books of Hadith), pertaining the topic of sorcery and its treatments. There are 24 texts of Hadith focusing on the concept of sorcery, its types and the explanation of witchcraft cases on the time of the Prophet and regarding the sorcerer. In addition, there are 12 texts of Hadith explain the Prophetic methods in dealing with the treatment of curing the sorcery and its preventive approaches. The study reveals that the topic of sorcery and its treatment derives from 48 texts of Hadith in Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, 29 texts of Hadith in Ṣaḥīḥ Muslim, 20 texts of Hadith in Sunan Abī Dāwūd, 17 texts of Hadith in Jāmi‘al- Tirmīdhī, 9 texts of Hadith in Sunan al-Nasā‘ī and 12 texts of Hadith in Sunan Ibn Mājah. In terms of quality of Prophetic texts of sorcery and its treatment, it is found that out of 36 texts of Hadith, there are 31 texts of Hadith Ṣaḥīḥ, 2 texts of Ḥadith Hasan and 3 texts of Hadith Ḍa‘īf.</p>
27	Metodologi Penulisan Hadith Hukum:	2011	Siti Sarah binti Ibra him (UM)	<p>Imam Majd al-Din ‘Abd al-Salam Ibn Taymiyyah dan Imam Ibn Hajar al-‘Asqalani merupakan dua orang tokoh hadith yang terkenal di dalam ilmu hadith hukum (Hadith Ahkam). Kajian ini dijalankan untuk menganalisis personaliti dan sumbangan Imam</p>

	Kajian Perbandingan Antara Kitab Al Muntaqa Dengan Bulugh Al-Maram			<p>Majd al-Din ‘Abd al-Salam Ibn Taymiyyah dan Imam Ibn Hajar al- ‘Asqalani dalam bidang hadith hukum (Hadith Ahkam) melalui metodologi penulisan kedua-dua tokoh tersebut di dalam kitab al-Muntaqa Min Akhbar al-Mustafa Solla Allah ‘Alayh Wasallam dan kitab Bulugh al-Maram Min Adillah al-Ahkam. Kajian ini juga bertujuan untuk memperkenalkan biografi Imam Majd al-Din ‘Abd al-Salam Ibn Taymiyyah dan Imam Ibn Hajar al-‘Asqalani bagi menyingkap sejarah kemunculan dan perkembangan ilmu hadith hukum (Hadith Ahkam). Seterusnya penulis membuat perbandingan di antara kedua-dua kitab tersebut. Dalam kajian ini, penulis menggunakan kaedah penyelidikan perpustakaan (Library Research) sepenuhnya perbandingan di antara kedua-dua kitab tersebut.</p>
--	--	--	--	---